

17 siswa MMU ikuti Mescorp di Jepun

BH 12/5/2007

Oleh Norliza Abdullah

SEKUMPULAN 17 pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) menyertai Program Penyelidikan Seberang Laut Persatuan Kejuruteraan (Mescorp) 2006/2007 ke Jepun bagi memantapkan penyelidikan mengenai penggunaan internet jalur lebar di Malaysia.

Program turut disertai dua penyelidik yang akan menjalankan penyelidikan bersama pakar teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT) di pangkalan teknologi terkemuka Jepun di Yokosuka, berhampiran Tokyo.

Pengarah program, Kwa Wee Chiang, berkata projek tahunan bagi semua pelajar ijazah sarjana muda itu bertujuan mendedahkan peserta mengenai penyelidikan bersama pakar dalam sektor industri di sebarang laut.

Katanya, sebelum ini pihaknya sudah membuat penyelidikan bandingan penggunaan ICT berasaskan internet jalur lebar di Singapura dan

kini diperluas ke Jepun.

"Perbandingan penyelidikan kedua-dua negara itu menunjukkan penggunaan ICT mereka begitu maju dan ia memberi peluang kepada Malaysia mempertingkatkan kecekapan internet jalur lebar untuk terus memperkasa kecekapannya.

"Hasil penyelidikan di Singapura dan Jepun akan dikongsi bersama peserta industri dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) lain menerusi satu persidangan yang akan dianjurkan sebaik saja pulang dari Je-

pun," katanya.

Kwa berkata, persidangan yang dijadual berlangsung Julai depan mem-babitkan peserta di sekitar Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

"Kami yakin, maklumat dan hasil penyelidikan diperoleh dapat dimanfaatkan bersama untuk meningkatkan penggunaan ICT secara menyeluruh," katanya.

Mengenai kos lawatan itu, Kwa berkata, ia ditaja Bahagian Aktiviti Pelajar MMU, Shell, syarikat ICT Agilent, Motorola dan Telekom Malaysia.